

GHAZALI MAYUDIN & LEE KUOK TIUNG

**POLITIK CINA DALAM PILIHAN RAYA  
DEWAN UNDANGAN SARAWAK 2006 :  
MANIFESTASI PROTES DARIPADA RAKYAT**

*Artikel ini membincangkan pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sarawak 2006 dengan tumpuan kepada kawasan yang ditandingi parti politik mewakili kepentingan orang Cina khususnya Sarawak United People's Party (SUPP) dan Democratic Action Party (DAP). Dalam pilihan raya ini, SUPP tewas lapan daripada 19 kerusi yang ditandinginya, iaitu kekalahan yang paling besar pernah dialami parti tersebut. Tujuh daripada lapan kerusi itu dimenangi DAP dan Parti Keadilan Rakyat Malaysia (PKR) dalam kawasan bandar yang majoriti pengundinya terdiri daripada orang Cina. Terdapat pemimpin kanan SUPP yang menjawat jawatan penting dalam kerajaan ditewaskan oleh calon muda daripada DAP yang baru menceburkan diri dalam politik. Kekalahan teruk SUPP itu mempunyai kaitan yang rapat dengan ketidakpuasan hati pengundi kerana kegagalan SUPP menangani masalah yang dihadapi oleh orang Cina di bandar. Oleh itu dalam konteks politik Sarawak, pilihan raya 2006 adalah satu protes dan juga amaran bahawa pengundi Cina bersedia menumbangkan calon dan parti yang gagal memelihara dan memperjuangkan kepentingan mereka.*

*Katakunci:* Pilihan raya, DAP, SUPP

*This article discusses about the 2006 Sarawak State Assembly Election with the focus on areas which were contested by political parties representing the interest of the Chinese people especially Sarawak United People's Party (SUPP) and Democratic Action Party (DAP). In this election, SUPP lost eight out of 19 seats contested. The biggest loss ever experienced by that party. Seven out of eight seats were won by the DAP and Parti Keadilan Rakyat (PKR). In the city area where the Chinese voters were the majority, some SUPP top leaders who held important positions in the government, lost to younger candidates from the DAP who just entered politics. The terrible defeat of the SUPP was closely related to the dissatisfaction of the voters for the failure of the SUPP to settle the problems faced by the Chinese in the city. Therefore, in Sarawak political context, the 2006 election was a protest and also a warning that the Chinese voters were ready to topple any candidates and parties that failed to safeguard and fight for their interest.*

*Keywords:* Elections, DAP, SUPP

## Pengenalan

Pilihan raya adalah saluran penting bagi orang ramai dalam negara demokrasi untuk memilih wakil rakyat dan pemimpin, menentukan parti yang berhak untuk memerintah serta menyatakan pendirian dan kehendak mereka tentang dasar kerajaan khususnya yang berkaitan secara langsung dengan kepentingan mereka. Sekiranya wakil yang dipilih itu tidak menjalankan tanggungjawab dengan memuaskan maka rakyat berhak untuk menyingkirkannya dan menggantikannya dengan orang lain.

Begitulah juga jika dasar yang dibuat itu dianggap tidak menguntungkan atau tidak dipersetujui, maka orang ramai berhak untuk menyuarakan bantahan dengan tidak mengundi parti yang memerintah atau calon yang mewakili parti berkenaan. Dengan adanya proses sedemikian maka terdapat kemungkinan pemimpin akan lebih peka dan kerajaan akan lebih prihatin terhadap kehendak rakyat. Inilah hakikat dalam sistem demokrasi yang perlu dihayati oleh orangramai dan dihormati oleh pemimpin dan kerajaan.

Walau bagaimanapun, sama ada hasrat orang ramai itu dinyatakan dengan jelas dalam pilihan raya atau tidak bergantung kepada banyak faktor, di antaranya komposisi penduduk dan struktur kuasa, pola pengundian dan budaya politik masyarakat. Artikel ini tidak bertujuan untuk membincangkan aspek ini dengan lebih lanjut tetapi sekadar menekankan bahawa terdapat kerencaman dalam pengundian. Oleh itu dalam satu pilihan raya, satu kelompok terus menyokong parti yang memerintah sementara kelompok yang lain pula tidak memilih parti berkenaan sebagai tanda protes terhadap calon dan dasar yang diamalkan.

Terdapat beberapa pilihan raya di Malaysia yang keputusannya menunjukkan rakyat tidak puas hati dengan kerajaan atau dasarnya dan menggunakan pilihan raya untuk menyalurkan pendirian dan bantahan mereka seperti pilihan raya umum 1969 dan 1999 (Ghazali 2006). Pilihan raya 1969 kerana tidak puas hati dengan pelbagai isu dan dasar parti Perikatan sementara bantahan dalam pilihan raya 1999 sebahagian besarnya disebabkan oleh isu penyingkiran dan layanan buruk terhadap mantan Timbalan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim. Pada peringkat negeri pula, pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sarawak 2006 boleh diketengahkan sebagai contoh bagaimana ketidakpuasan hati rakyat telah mempengaruhi pemilihan rakyat dalam pilihan raya tersebut.

Artikel ini akan menumpukan kepada politik Cina dalam pilihan raya Sarawak 2006, khususnya yang melibatkan pertandingan dua parti yang dianggap mewakili orang Cina iaitu *Sarawak United People's Party* (SUPP) dan *Democratic Action Party* (DAP). Rencana ini akan menghujahkan bahawa pengundi Cina Sarawak terutamanya di kawasan bandar telah menggunakan pilihan raya 2006 sebagai saluran untuk menyatakan rasa tidak puas hati terhadap beberapa isu yang melibatkan kepentingan mereka secara langsung. Parti pembangkang khususnya DAP telah mengartikulasi dan mengeksplorasi sebaik mungkin rasa tidak puas hati itu sehingga diterjemahkan dalam bentuk undi protes. Sebaliknya parti kerajaan gagal memahami dan memandang remeh rasa tidak puas hati tersebut. Akibatnya parti pembangkang memenangi kerusi paling banyak semenjak pilihan raya 1987 dalam DUN Sarawak.

## Latar Belakang Kajian

Sarawak merupakan sebuah negeri yang berbilang etnik dengan jumlah penduduknya lebih kurang 2.3 juta orang ([www.statistics.gov.my](http://www.statistics.gov.my)) terdiri daripada 28 kaum dan suku kaum utama jika diklasifikasi daripada segi bilangan, persamaan bahasa atau dialek pertuturan, adat budaya dan agama. Sungguhpun demikian, kaum-kaum berkenaan boleh diklasifikasi kepada lima kumpulan utama, iaitu Iban, Cina, Melayu dan Melanau, Bidayuh dan Orang Ulu. Tiada majoriti yang ketara di antara kaum utama di Sarawak kerana daripada segi jumlah penduduk, masyarakat Melayu dan Melanau mewakili kira-kira 27.5 peratus, Iban 29.5 peratus, Cina 28 peratus (bersamaan dengan 601 200 orang), Bidayuh 8 peratus dan Orang Ulu 6 peratus.

Daripada 71 kawasan DUN Sarawak, 15 kawasan adalah kawasan majoriti orang Cina (lihat Jadual 1).

Jadual 1: Kawasan dengan Majoriti Pengundi Cina

| Kod  | Kawasan      | Jumlah Pengundi | Melayu/<br>Melanau (%) | Cina (%) | Iban (%) | Bidayuh (%) | Org. Ulu (%) | Lain-lain (%) |
|------|--------------|-----------------|------------------------|----------|----------|-------------|--------------|---------------|
| N.9  | Padungan     | 24,512          | 5.26                   | 91.79    | 1.22     | 0.89        | 0.14         | 0.71          |
| N.10 | Pending      | 29,503          | 5.21                   | 90.45    | 2.24     | 1.66        | 0.16         | 0.29          |
| N.11 | Batu Lintang | 24,783          | 5.81                   | 84.47    | 6.33     | 2.14        | 0.45         | 0.79          |
| N.12 | Kota Sentosa | 18,934          | 10.46                  | 77.15    | 5.93     | 5.68        | 0.27         | 0.50          |
| N.13 | Batu Kawa    | 16,237          | 21.38                  | 60.08    | 1.6      | 16.46       | 0.15         | 0.33          |
| N.39 | Repok        | 16,750          | 5.52                   | 77.47    | 16.69    | 0.30        | -            | 0.01          |
| N.40 | Meradong     | 14,584          | 2.88                   | 60.11    | 36.99    | -           | -            | 0.03          |
| N.45 | Bukit Assek  | 26,002          | 1.80                   | 94.95    | 3.21     | 0.01        | 0.01         | 0.02          |
| N.46 | Dudong       | 21,819          | 9.79                   | 53.23    | 36.86    | 0.05        | 0.06         | 0.01          |
| N.47 | Bawang Assan | 16,844          | 4.95                   | 65.25    | 29.76    | -           | 0.03         | 0.01          |
| N.48 | Pelawan      | 22,559          | 6.38                   | 90.82    | 2.51     | -           | 0.13         | 0.16          |
| N.59 | Kidurong     | 23,726          | 15.41                  | 50.69    | 33.06    | 0.32        | 0.39         | 0.13          |
| N.63 | Piasau       | 17,256          | 19.56                  | 65.00    | 13.41    | 0.24        | 1.62         | 0.16          |
| N.64 | Pujut        | 20,098          | 18.54                  | 65.95    | 10.99    | 1.91        | 2.10         | 0.50          |
| N.65 | Senadin      | 16,925          | 28.79                  | 49.6     | 17.83    | 0.86        | 2.79         | 0.14          |

Sumber: Berdasarkan "Sarawak State Election Scorecard 2006" yang disiarkan *The Borneo Post* (edisi Sarawak), Rabu, 10hb Mei 2006. ms.14 & 15

Sebagaimana biasa, SUPP dan DAP lebih menumpukan kepada kawasan yang majoriti pengundinya adalah orang Cina. Keseluruhannya seramai 158 calon bertanding untuk merebut 71 buah kerusi yang dipertandingkan. Bilangan kerusi yang ditandingi parti politik dalam pilihan raya 2006 di Sarawak adalah seperti dalam Jadual 2.

Dalam usaha untuk memberikan saingan yang lebih sengit kepada Barisan Nasional (BN), parti pembangkang di Sarawak juga cuba bergabung dan bekerjasama. *Sarawak National Party* (SNAP), *Malaysian Dayak Congress* (MDC) dan Parti Keadilan Rakyat Malaysia (PKR) mewujudkan gabungan longgar yang dikenal sebagai Barisan Bersatu Sarawak (BBS). Selain itu parti pembangkang juga dikatakan bekerjasama membentuk pakatan *electoral* dan bertolak ansur agar dapat diminimumkan pertembungan sesama mereka. Hasil kerjasama dan persefahaman itu, sebahagian besar, iaitu 54 kawasan wujud pertandingan satu lawan satu yang melibatkan BN dengan salah satu parti pembangkang.

Jadual 2: Jumlah Kerusi Mengikut Parti-parti yang Bertanding dalam Pilihan Raya ke-9 Negeri Sarawak

| Barisan Nasional (BN) –[71]                       | Barisan Bersatu Sarawak (BBS) – [54]                                  | Parti Pembangkang Lain – [34]        |
|---|---|--------------------------------------|
| Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (PBB) – [35]       | Sarawak National Party (SNAP) & Malaysian Dayak Congress (MDC) – [29] | Democratic Action Party (DAP) – [12] |
| Sarawak United People's Party (SUPP) – [19]       |   | Parti Islam Se-Malaysia (PAS) – [1]  |
| Parti Rakyat Sarawak (PRS) – [9]                  | Parti Keadilan Rakyat Malaysia (PKR) – [25]                           | Bebas/ Independent (IND) – [20]      |
| Sarawak Progressive Democratic Party (SPDP) – [8] |   |                                      |

*Sumber:* Berdasarkan laporan berita muka depan akhbar *The Borneo Post* (edisi Sarawak), Rabu, 10 Mei 2006.

## Keputusan Pilihan Raya

BN sememangnya tidak ada masalah untuk terus menguasai kerajaan negeri Sarawak dengan majoriti dua pertiga seperti yang diduga. Daripada 71 kerusi dalam DUN, BN memenangi 62 kerusi, bakinya dimenangi parti pembangkang dan calon bebas seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Pilihan Raya DUN Sarawak 2001 dan 2006: Jumlah Kerusi yang Dimenangi Parti Politik

| Parti                      | Bilangan kerusi dimenangi |           |
|----------------------------|---------------------------|-----------|
|                            | 2006                      | 2001      |
| Barisan Nasional           | 62                        | 60        |
| PBB                        | 35                        | 30 (30)   |
| SUPP                       | 11                        | 16(17)    |
| PRS*                       | 8                         | -         |
| SPDP*                      | 8                         | -         |
| SNAP**                     |                           |           |
| PBDS(dibubarkan pada 2006) | 1                         | 6 (7)     |
|                            | -                         | 8 (8)     |
| DAP                        |                           |           |
| PKR                        | 6                         | 1 (13)    |
| PAS                        | 1                         | 0 (25)    |
| STAR                       | 0                         | 0 (3)     |
| Bebas                      |                           | 0 (5)     |
|                            | 1                         | 1 (63)    |
| <b>Jumlah</b>              | <b>71</b>                 | <b>62</b> |

*Sumber:* Berdasarkan keputusan pilihan raya DUN Sarawak 2006 yang disiar *Sea Hua Daily* dan keputusan pilihan raya DUN Sarawak 2001 dari laman web Bernama.Com

\*dua parti baru yang muncul dalam pilihan raya DUN 2006 atas perpecahan SNAP dan PBDS

\*\*SNAP merupakan komponen BN dalam pilihan raya DUN Sarawak 2001 tetapi bertanding sebagai pembangkang pada tahun 2006

Pilihan raya kali ini menyaksikan hampir kesemua calon Cina SUPP-BN memperolehi undi yang jauh lebih rendah berbanding pilihan raya yang lepas. Dr George Chan Hong Nam, Presiden SUPP berjaya mempertahankan kerusi N63 Piasau (sebelum ini N56), untuk penggal ketiga dengan jumlah 6,573 undi, tetapi dengan jumlah majoriti yang merosot kepada 3,918 undi berbanding majoriti 5,191 undi yang beliau menang pada pilihan raya 1996 dan 7,673 undi pada pilihan raya tahun 2001. Di N65 Senadin (sebelum ini N57), calon SUPP Lee Kim Shin penyandang kerusi bagi dua penggal berturut-turut yang lepas juga berjaya mengekalkan kawasannya dengan jumlah 7,173 undi dan majoriti 4,799 undi. Beliau memenangi kerusi tersebut pada tahun 1996 dengan 9,568 undi dan 13,104 undi pada 2001. Pesaing beliau daripada PKR memperoleh 2,374 undi. Dr Soon Choon Teck dalam pilihan raya lepas memenangi kerusi N.46 Dudong mempertahankan kerusinya dengan majoriti 6,315 undi dalam pertandingan empat sudut tetapi sekadar mencatatkan kemenangan tipis dengan majoriti 408 undi dalam pilihan raya 2006. Beliau berjaya menewaskan pencabar terdekatnya daripada DAP, Wong Kee Woan yang memperolehi 3,364 undi daripada 69.5 peratus pengundi berdaftar yang keluar mengundi.

Parti komponen lain dalam BN, iaitu Parti Pesaka Bumiputra Bersatu Sarawak (PBB) menang kesemua 35 kerusi dan Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP) juga menang kesemua lapan kerusi yang ditandingi calon-calonnya. SUPP sebagai parti komponen BN yang kedua terbesar di Sarawak yang bertanding dalam 19 kawasan (16 kawasan diletakkan calon Cina) telah kalah lapan kerusi (semua calon Cina) iaitu di kawasan bandar; Padungan, Pending, Batu Lintang, Kota Sentosa, Engkilili, Meradong, Bukit Assek dan Kidurong kepada PKR, DAP dan SNAP seperti dalam Jadual 4. Jika diteliti, sebahagian besarnya terletak di bawah kerusi parlimen Kuching dan Sibu. Di kawasan Meradong yang menyaksikan pertandingan sengit lima penjuru turut menyaksikan calon wanita DAP, Ting Tze Hui menang dengan majoriti 3,578 undi. Ini juga bermakna kedua-dua calon wanita Cina yang bertanding dengan tiket SUPP tewas dalam pilihan raya kali ini. Kekalahan teruk SUPP bukan sahaja daripada segi bilangan, tetapi juga berdasarkan kedudukan dan jawatan calon yang tewas. Dua daripada calon yang tewas adalah Menteri Muda (Menteri Muda Kebudayaan dan Urbanisasi, Datuk Sim Kheng Hui dan Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri, Datuk Alfred Yap Chin Loi yang turut memegang jawatan Menteri Muda Pembangunan Bandar) dan seorang lagi Datuk Bandar (Chan Seng Khai, Datuk Bandar Kuching Selatan). Bagi jawatan dalam parti pula, yang tewas adalah Naib Presiden (iaitu Lily Yong merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri Sarawak), Setiausaha Agung, Naib Bendahari, Setiausaha Penerangan dan Publisiti serta Ahli Jawatankuasa Pusat SUPP (Daniel Ngien Kiong An, Penolong Setiausaha kepada Jawatankuasa Pusat Parti SUPP dan juga Setiausaha Publisiti parti SUPP cawangan Sibu serta merangkap Timbalan Pengurus Majlis Perbandaran Sibu). Rekod kemenangan sebelum ini pun bukan penentu kejayaan jika merujuk nasib Datuk Alfred Yap telah tiga penggal memenangi kerusi N13 Batu Kawa, malahan menang tanpa bertanding untuk dua penggal yang lepas tetapi kalah dalam pilihan raya 2006. Datuk David Teng Lung Chi pula yang telah memenangi kerusi N39 Repok yang telah memenangi kerusi tersebut selama enam penggal berturut-turut nyaris tewas dan memenanginya dengan majoriti 576 undi sahaja.

**Jadual 4: Keputusan Pilihan Raya DUN Sarawak Ke-9 bagi Calon-Calon Cina di Kawasan Majoriti Cina**

| Kod  | Kawasan      | Penyandang                                     | Calon & Keputusan   | Catatan  |
|------|--------------|--|---|--|
| N.9  | Padungan     | Lily Yong Lee Lee (SUPP-BN)                    | <i>Dominique Ng Kim Ho</i> PKR 8,002<br>Lily Yong Lee BN SUPP 6,585   | Majoriti 1,417<br>Peratus Undi 60<br>Undi Rosak 118    |
| N.10 | Pending      | Datuk Sim Kheng Hui (SUPP-BN)                  | <i>Violet Yong</i> DAP 11,632<br>Datuk Sim Kheng Hui BN SUPP 7,260  | Majoriti 4,372<br>Peratus Undi 65<br>Undi Rosak 94     |
| N.11 | Batu Lintang | Chan Seng Khai                                 | <i>Voon Lee Shan</i> DAP 8,806<br>Chan Seng Khai BN SUPP 5,399  | Majoriti 3,407<br>Peratus Undi 58<br>Undi Rosak 76     |
| N.12 | Kota Sentosa | *kerusi baru                                   | <i>Chong Chieng Jen</i> DAP 6,579<br>Yap Chin Loi BN SUPP 6,048   | Majoriti 531<br>Peratus Undi 68<br>Undi Rosak 115      |
| N.13 | Batu Kawa    | Alfred Yap Chin Loi (BN-SUPP)                  | <i>Tan Joo Phoi</i> BN SUPP 6,755<br>Wong Huan Yu PKR 2,575   | Majoriti 4,180<br>Peratus Undi 221<br>Undi Rosak 221   |
| N.39 | Repok        | Datuk David Teng Lung Chi                      | <i>Datuk David Teng Lung Chi</i> BN SUPP 5,502<br>Kung Chin Chin DAP 4,926  | Majoriti 576<br>Peratus Undi 63<br>Undi Rosak 8        |
| N.40 | Meradong     | Ting Check Sii (BN-SUPP)                       | <i>Ting Tze Hui</i> DAP 5,990<br>Wong Zee Yeng BN SUPP 2,412<br>Wong Kung Kuong @ Frederick Bebas/IND 603<br>David Tiong Chiong Chu Bebas/IND 569<br>Junat ak Jawek Bebas/IND 117 | Majoriti 3,578<br>Peratus Undi 67<br>Undi Rosak 76     |
| N.45 | Bukit Assek  | Daniel Ngieng Kiong Ann                        | <i>Wong Ho Leng</i> DAP 10,380<br>Daniel Ngieng Kiong Ann BN SUPP 5,629   | Majoriti 4,751<br>Peratus Undi 61.91<br>Undi Rosak 78  |
| N.46 | Dudong       | Dr Soon Choon Teck                             | <i>Dr Soon Choon Teck</i> BN SUPP 7,359<br>Stephen Lu Cheng Kuok DAP 6,951  | Majoriti 408<br>Peratus Undi 66.82<br>Undi Rosak 210   |
| N.47 | Bawang Assan | Dato Sri Wong Soon Koh                         | <i>Datuk Seri Wong Soon Koh</i> BN SUPP 6,804<br>David Wong DAP 4,300   | Majoriti 2,504<br>Peratus Undi 66.33<br>Undi Rosak 68  |
| N.48 | Pelawan      | Vincent Goh Chung Siong                        | <i>Goh Chung Siong</i> BN SUPP 7,375<br>Dr Ting Chek Ming DAP 7,112   | Majoriti 263<br>Peratus Undi 65<br>Undi Rosak 83       |
| N.59 | Kidurong     | Chiew Chiu Sing (DAP)                          | <i>Chiew Chiu Sing</i> DAP 8,517<br>Paul Yong Khing Kee BN SUPP 6,853   | Majoriti 1,664<br>Peratus Undi 65.6<br>Undi Rosak 86   |
| N.63 | Piasau       | Datuk Patinggi Tan Sri Dr George Chan Hong Nam | <i>Tan Sri Dr George Chan Hong Nam</i> BN SUPP 6,573<br>Dr Francis Ngu Hee Hieng PKR 2,655  | Majoriti 3,918<br>Peratus Undi 59.02<br>Undi Rosak 93  |
| N.64 | Pujut        | *New Seat                                      | <i>Andy Chia Chu Fatt</i> BN SUPP 6,493<br>Fong Pau Teck DAP 5,123  | Majoriti 1,370<br>Peratus Undi 58.6<br>Undi Rosak 77   |
| N.65 | Senadin      | Lee Kim Shin                                   | <i>Lee Kim Shin</i> BN SUPP 7,173<br>Chai Chook Fui PKR 2,374   | Majoriti 4,799<br>Peratus Undi 57.74<br>Undi Rosak 127 |

*Sumber:* Berdasarkan keputusan pilihan raya DUN Sarawak 2006 yang disiarkan dalam *Sea Hua Daily* 21 Mei 2006

Peralihan undi daripada BN kepada parti pembangkang dalam pilihan raya 2006 lebih jelas kelihatan jika pencapaian BN dan parti pembangkang dibandingkan dengan prestasi masing-masing dalam pilihan raya 2001. Terdapat 15 kawasan yang berlaku pertandingan

di antara SUPP dengan parti pembangkang dalam kedua-dua pilihan raya 2001 dan 2006. Kawasan berkenaan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 berikut<sup>1</sup>.

Jadual 5: Pilihan Raya DUN Sarawak 2001 dan 2006: Jumlah Undi SUPP dan Majoriti

| Kawasan          | Jumlah undi SUPP<br>2001 | 2006  | Majoriti parti yang menang |           |
|------------------|--------------------------|-------|----------------------------|-----------|
|                  |                          |       | 2001                       | 2006      |
| N9 Padungan      |                          | 6585  | SUPP 1033                  | PKR 1417  |
| N10 Pending      | 11918                    | 7260  | SUPP 7981                  | DAP 4372  |
| N11 Batu Lintang | 11625                    | 5399  | SUPP 7388                  | DAP 3407  |
| N16 Bengoh       | 8027                     | 7540  | SUPP 3419                  | SUPP 3988 |
| N27              | 8408                     | 5144  | SUPP 6968                  | SUPP 4258 |
| Simanggang       | 3485                     | 3016  | SUPP 708                   | SNAP 426  |
| N28 Engkilili    | 8421                     | 5502  | SUPP 5769                  | SUPP 576  |
| N39 Repok        | 7391                     | 2412  | SUPP 3621                  | DAP 3578  |
| N40 Meradong     | 6289                     | 5629  | SUPP 875                   | DAP 4571  |
| N45 Bukit Assek  | 9679                     | 7359  | SUPP 6315                  | SUPP 408  |
| N46 Dudong       | 9465                     | 6804  | SUPP 7096                  | SUPP 2504 |
| N47 Bawang Assan | 14129                    | 7375  | SUPP 8445                  | SUPP 263  |
| N48 Pelawan      | 10237                    | 6573  | SUPP 7673                  | SUPP 3918 |
| N59 Kidurong     | 13104                    | 7173  | SUPP 9199                  | SUPP 4799 |
| N63 Piasau       |                          |       |                            |           |
| N65 Senadin      |                          |       |                            |           |
| Jumlah           | 137988                   | 90624 |                            |           |
| Peratus          | 66.2%                    | 49.2% |                            |           |

Sumber: Pengiraan oleh penulis berdasarkan *New Straits Times* 28 September 2001 dan *New Sunday Times* 21 May 2006.

Sebagai perbandingan, lihat Lampiran 1 bagi jumlah undi yang diperoleh parti pembangkang dalam pilihan raya 2001 dan 2006.

Dalam 15 kawasan di atas, undi yang diperoleh SUPP merosot daripada 66.2% kepada 49.2% iaitu jumlah yang keluar mengundi dalam pilihan raya 2006. Tujuh kawasan dimenangi parti pembangkang (5 DAP, 1 PKR dan 1 SNAP). Bagi lapan kawasan yang dimenangi SUPP, undi majoriti yang diperoleh parti itu juga merosot dalam semua kawasan kecuali N16 Bengoh. Selain Bengoh (pemilih Bidayuh 65%) dan N27 Simanggang (pemilih Iban 62%), enam kawasan lain yang SUPP mengalami kemerosotan undi majoriti adalah kawasan yang sebahagian besar pemilihnya terdiri daripada orang Cina. Dalam tiga kawasan, majoritinya kurang daripada 1000 iaitu N39 Repok (576 undi), N46 Dudong (408 undi) dan N48 Pelawan (263 undi). DAP

<sup>1</sup> Selain 15 kawasan ini, SUPP juga bertanding dalam tiga kawasan baru iaitu N1 Opar, N12 Kota Sentosa dan N64 Pujut, serta N13 Batu Kawah yang dimenangi tanpa bertanding dalam pilihan raya 2001. DAP memenangi Kota Sentosa dengan majoriti 531 undi.

mendakwa kemenangan tipis SUPP di Dudong dan Pelawan adalah disebabkan undi pos. Pengerusi DAP Sarawak mendakwa bahawa DAP menang dalam kawasan Cina di Dudong tetapi terdapat 1,185 undi pos dan DAP cuma mendapat 22 undi sahaja daripada jumlah tersebut. DAP tewas di kawasan itu dengan 408 undi. (Lihat kenyataan Wong Ho Leng kepada *Malaysiakini* 2 Jun 2006). Kemerosotan majoriti ini juga perlu mengambilkira pengurangan jumlah pemilih dalam kawasan tertentu dalam pilihan raya 2006 berbanding tahun 2001 (Lihat Lampiran 2). Dalam sesetengah kawasan, jumlah pengurangan itu sangat besar seperti di N27 Simanggang, N48 Pelawan dan N65 Senadin.

Berdasarkan data di atas, dapat dilihat bahawa prestasi SUPP jauh merosot dalam pilihan raya 2006 berbanding pilihan raya 2001 dari segi peratus undi dan jumlah kerusi yang dimenangi. Dalam pilihan raya 2001, SUPP hanya tewas satu kerusi, iaitu N59 Kidurong daripada 15 kerusi di atas. Berdasarkan temubual dengan pengundi, kemenangan itu pun disebabkan oleh faktor peribadi dan populariti calon DAP yang menang itu. Kemerosotan sokongan kepada SUPP yang sangat ketara terutama di kawasan bandar dalam pilihan raya 2006 ini adalah satu manifestasi penolakan dan protes orangramai terhadap parti yang memerintah. Dalam keadaan yang demikian, terdapat kemungkinan sebahagian pengundi yang memilih DAP bukanlah disebabkan mereka sukaan parti tersebut tetapi lebih disebabkan mereka marahkan SUPP.

## Faktor Kemerosotan Prestasi SUPP

Sesetengah pihak mengambil jalan mudah untuk mencari punca kekalahan, misalnya menyalahkan kaki judi yang bertaruh semasa pilihan raya (Harakah Daily 25 Mei 2006). Oleh kerana prestasi SUPP memang sangat buruk jika dibandingkan dengan pilihan raya 2001 maka penilaian yang lebih objektif perlulah mengambil kira peristiwa dan perkembangan yang berlaku dalam tahun 2001 yang banyak membantu SUPP meraih sokongan dan undi dalam pilihan raya DUN Sarawak 2001 sehingga berjaya mencapai kemenangan besar. Dalam pilihan raya 2001 wujud persekongkolan DAP dengan PAS dalam Barisan Alternatif, diikuti pula Peristiwa 9/11 yang mengaitkan Islam dengan keganasan, rusuhan kaum di negara jiran yang melibatkan etnik adalah di antara isu yang dibangkitkan yang menyebabkan DAP dan parti pembangkang lain berada dalam keadaan berhati-hati. Isu-isu tersebut dijadikan modal pilihan raya sehingga berjaya menimbulkan keimbangan dan keresahan di kalangan pengundi terutamanya pengundi Cina. Oleh itu tidak hairanlah sekiranya pengundi Cina memberikan undi yang padu kepada Barisan Nasional. Isu-isu di atas tidak lagi menjadi isu yang dominan dalam pilihan raya 2006. Sebaliknya yang lebih banyak ditekankan dalam pilihan raya 2006 ialah isu dalaman, iaitu dalam parti dan dalam negeri seperti calon yang tidak sesuai, perpecahan dalaman parti, isu yang melibatkan kepentingan secara langsung khususnya kenaikan harga petrol dan pembaharuan pajakan tanah serta perasaan dipingirkkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

## **Kesilapan Pemilihan Calon**

Faktor pertama yang dikenalpasti membawa kepada perubahan trend pengundian masyarakat Cina ialah pemilihan calon. Ia sama ada calon baru yang muda dan kurang berpengalaman ataupun penyandang kerusi yang tidak mendapat kepercayaan pengundi. Ini diakui sendiri SUPP yang mendakwa kesilapan memilih calon menjadi antara punca parti itu kehilangan lapan kerusi. Presiden SUPP dalam sidang akhbar sejurus keputusan pilihan raya diketahui mengakui kesilapan memilih calon antara faktor kekalahannya dalam lapan kerusi pada pilihan raya Sarawak kesembilan (Sariha dan Matzidi 2006). Walaupun alasan itu mungkin boleh diterima, tetapi penekanan kepada kesilapan memilih calon semata-mata, seolah-olah menafikan kelemahan lain dalam SUPP.

## **Masalah Perpecahan dalam Parti**

Meradong merupakan salah satu kerusi paling panas dan menjadi tumpuan kerana masalah dalaman SUPP berhubung pemilihan calonnya bagi kerusi tersebut. SUPP menggugurkan penyandang kerusi Ting Check Sii untuk memberi laluan kepada Wong Zee Yeng, calon muka baru yang paling muda di kalangan calon BN yang baru setahun menyertai SUPP. Persaingan yang seharusnya menyaksikan berlaku di antara Wong Zee Yeng dari BN-SUPP dengan Ting Tze Fui yang bertanding atas tiket DAP telah dimeriahkan lagi dengan kehadiran tiga calon bebas, iaitu Frederick Wong Kung Kuong, David Tiong Chiong Chu (kedua-dua Frederick dan David adalah bekas ahli SUPP) dan Junak Jawek. Frederick adalah mantan Bendahari SUPP cawangan Bintangor, setiausaha politik, setiausaha sulit politik dan pembantu khas kepada mantan Menteri Persekutuan, Datuk Seri Law Hieng Ding. Beliau bertanding sebagai menunjukkan bantahan kerana tidak puas hati dengan calon yang diletakkan oleh SUPP untuk bertanding di Meradong.

Sebelum penamaan calon berlangsung, terdapat juga spekulasi mantan Timbalan Pengerusi DAP Sarawak, Wong Sing Nang akan menyertai SUPP untuk bertanding di kerusi tersebut. Keadaan ini sedikit sebanyak turut menimbulkan ketegangan di kalangan pengundi Cina yang mulai sangsi dengan kredibiliti SUPP yang sehingga terpaksa bercadang mengambil calon politik daripada bekas lawan politik.

Walau bagaimanapun, isu yang banyak berpihak dan menguntungkan Barisan Nasional Sarawak dalam konteks persaingan dalam pilihan raya 2001, tidak lagi menjadi isu dalam pilihan raya 2006. Sebaliknya terdapat beberapa isu yang akan dibincangkan dalam bahagian seterusnya, yang telah digunakan oleh parti pembangkang untuk meraih sokongan dalam pilihan raya 2006.

## **Isu Kenaikan Harga Petrol dan Pajakan Tanah**

Dalam konteks pilihan raya di Malaysia, ekonomi adalah salah satu faktor yang memainkan peranan penting dalam menentukan sokongan kepada parti yang bertanding atau dengan lebih tepat lagi parti yang memerintah dengan parti pembangkang. Pertumbuhan ekonomi yang pesat, peluang pekerjaan yang banyak, inflasi yang terkawal dan kadar pengangguran yang rendah adalah petunjuk ekonomi yang memberi kelebihan kepada parti yang memerintah. Keselesaan dan kesejahteraan rakyat daripada segi

ekonomi akan menjadi benteng yang menghalang isu lain daripada mempengaruhi pilihan rakyat dalam pilihan raya.<sup>2</sup>

Kedua-dua pihak, parti yang memerintah dan parti pembangkang menyedari kepentingan faktor ekonomi ini sebagai isu yang mempengaruhi pengundi. Sebagaimana lazimnya Barisan Nasional bersandarkan kepada kejayaan yang telah dicapainya sebagai parti yang memerintah terutamanya daripada segi mengekalkan kestabilan politik dan membawa pembangunan ekonomi, sosial dan infrastruktur. Para pengundi sentiasa diingatkan bahawa kejayaan yang dicapai adalah hasil usaha pemimpin dan kerajaan Barisan Nasional dan hanya BN sahaja yang dikatakan boleh membawa pembangunan yang lebih pesat pada masa hadapan. Pada satu pihak yang lain pula parti pembangkang digambarkan sebagai tidak memberi apa-apa sumbangan dan perlu ditolak. Inilah antara mesej yang cuba disampaikan oleh Barisan Nasional dalam kempennya melalui poster, risalah, ceramah dan media massa. Di kawasan bandar yang majoriti pengundinya terdiri daripada orang Cina, Barisan Nasional juga menekankan kepada khidmat yang telah diberikan oleh wakil rakyat, parti dan kerajaan terutamanya dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini. Berdasarkan khidmat yang telah diberi dan pembangunan yang telah dibawa, maka Barisan Nasional yakin bahawa rakyat akan memberi kemenangan kepada calon-calonnya.

Parti pembangkang khususnya DAP dan PKR yang bertanding di kawasan bandar juga menekankan isu-isu yang berkaitan dengan ekonomi rakyat. Di antaranya ialah isu kenaikan harga petrol dan diesel sebanyak 30 sen seliter mulai 28 Februari 2006, iaitu kenaikan yang tertinggi setakat ini. Kenaikan itu terlalu dianggap keterlaluan dan tidak patut, lebih-lebih lagi Sarawak adalah negeri pengeluar minyak. Hujah pihak pembangkang ialah menyokong Barisan Nasional bermakna menyokong kenaikan harga minyak. Oleh itu pengundi diminta menyuarakan bantahan terhadap kenaikan harga minyak itu secara terang dan jelas dengan mengundi parti pembangkang. Tanpa protes sedemikian seolah-olah rakyat tidak kisah dan memberikan gambaran yang salah seolah-olah kenaikan harga minyak itu tidak membebankan orang ramai. Dalam risalah yang diedarkan DAP semasa berkempen antara lain dinyatakan:

*“Send the right message with your vote”*

*“A vote for BN is a yes to fuel hike”*

*“The more seats BN wins in this election, the higher will the government increase the fuel prices next year”*

*“show your disapproval, SEND the correct message to BN”*

*“Say no to fuel hike.VOTE DAP”*

Secara tidak langsung isu minyak ini memberi gambaran bahawa pemimpin kerajaan termasuk pemimpin SUPP tidak cukup berusaha untuk menjaga kepentingan rakyat Sarawak memandangkan Sarawak juga adalah negeri pengeluar minyak. Sebagai jawapan

<sup>2</sup> Sebagai contoh, walaupun banyak isu berkaitan penyelewengan, rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang dibangkitkan dalam pilihan raya 1990 dan 1995, tetapi Barisan Nasional terus mencapai kejayaan dalam pilihan raya tersebut. Kepesatan pertumbuhan ekonomi sekitar dua pilihan raya tersebut menjadikan isu lain seolah-olah tidak mempengaruhi pengundi. Lihat misalnya Ghazali Mayudin 2006: 61-62.

kepada kempen pembangkang berhubung dengan isu kenaikan harga minyak ini, pemimpin Barisan Nasional menjelaskan bahawa kenaikan harga minyak tidak dapat dielakkan berikutan dengan kenaikan harga minyak mentah dunia. Ketika pembangkang menentang kenaikan harga minyak tersebut untuk rakyat, BN cuba memujuk rakyat menerima kenaikan harga minyak tersebut. Sebagai contoh, Dato Sri Wong Soon Koh mengadakan dialog di Sibu menyeru operator pengangkutan awam teksi, lori dan syarikat bas mempertimbangkan membentuk organisasi untuk operasi perniagaan yang lebih baik dalam mengharungi kenaikan harga minyak global. Pada satu pihak saranan itu boleh dilihat sebagai usaha untuk memujuk, tetapi di pihak yang lain seakan menggambarkan sikap mengendahkan keresahan dan bantahan rakyat. Mesej yang mungkin hendak disampaikan ialah rakyat perlu menerima sahaja kenaikan harga minyak dengan menukar cara operasi perniagaan untuk disesuaikan dengan kenaikan harga komoditi tersebut.

Selain isu minyak, parti pembangkang juga membangkitkan isu pajakan tanah. Pembaharuan semula pajakan tanah adalah isu yang hangat diperkatakan dengan mengambilkira tempohnya sudah hampir tamat di pusat-pusat bandar seperti Kuching, Sibu, Miri yang majoriti penduduknya adalah kaum Cina. Mengikut Kanun Tanah Negeri, tanah terbabit adalah milik kerajaan negeri dan tidak ada peruntukan pajakan itu diperbaharui secara automatik apabila tamat tempohnya.

Tuntutan agar tanah yang tamat tempoh itu diperbaharui pajakannya secara automatik tidak diterima oleh kerajaan (*Borneo Post* 9 Februari 2006). Dengan kata lain, samaada pajakan itu diperbaharui atau tidak bergantung kepada budibicara, keperluan dan kelulusan kerajaan. Isu ini lebih mencemaskan rakyat apabila diwarwarkan bahawa premium bagi tanah yang diperbaharui pajakannya akan dinaikkan di antara 25% hingga 75%.<sup>3</sup>

Tidak lama selepas pilihan raya kerajaan mengumumkan bahawa 90% tanah yang hampir tamat tempoh pajakannya akan diperbaharui. Kadar premium yang akan ditetapkan pula bergantung kepada keperluan kewangan kerajaan dan kemampuan golongan berpendapatan rendah untuk membayar premium itu (*Eastern Times* 1 Ogos 2006).

## **RMK-9 dan Kepentingan Orang Cina**

Selain itu Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) telah meningkatkan lagi rasa tidak puas hati orang Cina. RMK-9 dikatakan lebih memberi tumpuan kepada pembangunan luar bandar turut dijadikan modal oleh pembangkang dalam pilihan raya lalu. Meskipun Sarawak memperoleh peruntukan antara yang terbesar iaitu RM25 bilion dengan fokus meningkatkan pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar di negeri ini, komuniti Cina bimbang dan tidak pasti sama ada perancangan terbabit mengambilkira bahagian dan kepentingan mereka atau tidak. Pembangkang mendakwa kerajaan kononnya meminggirkan masalah yang dihadapi penduduk bandar yang majoritinya terdiri daripada

---

<sup>3</sup> Tidak lama selepas pilihan raya kerajaan mengumumkan bahawa 90% tanah yang hampir tamat tempoh pajakannya akan diperbaharui. Kadar premium yang akan ditetapkan pula bergantung kepada keperluan kewangan kerajaan dan kemampuan golongan berpendapatan rendah untuk membayar premium itu. *Eastern Times* 1 Ogos 2006.

kaum Cina. Perdana Menteri menegaskan kemenangan selesa BN menunjukkan rakyat Sarawak menaruh kepercayaan penuh kepada BN dan juga mahu BN Sarawak bekerjasama dengan kerajaan pusat melaksanakan dan menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan. Kesan pertumbuhan ekonomi yang positif yang diwar-warkan oleh media arus perdana di Malaysia langsung tidak dinikmati oleh rakyat daripada golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah akibat kenaikan harga barang serta kesan peningkatan harga minyak.

Bagi golongan peniaga, kesan negatif yang dirasai atau dijangka akan berlaku daripada dua isu di atas diburukkan lagi oleh kurangnya peluang untuk mendapat projek dan peluang ekonomi yang lain. Ini kerana projek kerajaan banyak yang diberikan kepada beberapa syarikat yang dikatakan ada kaitan dengan pemimpin kerajaan. Amalan kronisme dan nepotisme ini pula dikaitkan dengan tempoh ketua Ketua Menteri yang dianggap telah terlalu lama memegang jawatan tersebut.

## **Pilihan Raya 2006 dan Kepimpinan Transaksional**

Aktiviti dan kempen dalam pilihan raya di Malaysia menunjukkan wujudnya unsur pertukaran atau memberi dan menerima di antara dua pihak, iaitu di antara pengundi dengan calon yang bertanding. Jika calon yang bertanding itu dari parti pemerintah, maka rakyat diminta memberikan undi kepada mereka sebagai balasan kepada hasil usaha pemimpin dan kerajaan yang membawa pembangunan dan kemajuan kepada masyarakat dan negara. Kepimpinan yang menekankan kepada unsur pertukaran inilah yang disebut oleh Burns (1978) sebagai kepimpinan transaksional. Kepimpinan politik Malaysia dan juga Sarawak pada umumnya bersifat transaksional.

Pemimpin memberi atau menjanjikan sesuatu kepada rakyat dan sebagai balasannya rakyat memberikan sokongan dan undi. Oleh itu dalam pilihan raya pengundi mesti diyakinkan bahawa mereka telah dan akan mendapat faedah sebagai balasan terhadap sokongan mereka kepada calon dan parti yang memerintah.

Berbalik kepada pilihan raya Sarawak 2006, isu kenaikan harga minyak dan isu pajakan yang dibangkitkan parti pembangkang khususnya DAP, nampaknya berjaya menyakinkan pengundi bahawa pemimpin SUPP gagal memperjuangkan kepentingan orang Cina sebagai balasan kepada sokongan yang diberikan kepada parti itu sebelum ini. SUPP yang memperjuangkan kepentingan dalam kerajaan dijangka memperjuangkan kepentingan dan menyelesaikan masalah yang dihadapi kaum tersebut. Kegagalan berbuat demikian mengecewakan orang Cina terutamanya di kawasan bandar dan mereka menghukum parti tersebut dengan menolak calon SUPP dan sebaliknya mengundi calon parti pembangkang. Kertas dan peti undi telah digunakan oleh rakyat dalam pilihan raya untuk menyatakan kehendak dan bantahan mereka terhadap kerajaan kerana dianggap kurang prihatin dengan aspirasi dan kebajikan rakyat.

Pengundi dianggap telah membuat pilihan secara rasional dari segi pengundian, apabila menolak pemimpin yang dianggap gagal memenuhi harapan dan kehendak mereka. Dalam konteks ini, pengundian mereka tidak terikat atau taksub kepada parti semata-mata. SUPP berhujah bahawa parti itu perlu diberikan mandat yang besar dan ramai wakil dalam Dewan Undangan Negeri supaya parti itu berada dalam kedudukan yang lebih kuat dalam proses tawar-menawar politik dalam konteks Barisan Nasional. Kenaikan harga minyak dan isu pajakan menunjukkan bahawa walaupun dengan mandat

yang besar sekalipun, SUPP masih gagal memperjuangkan kepentingan orang Cina. Oleh itu langkah selanjutnya ialah memberi pengajaran kepada pemimpin yang dianggap gagal merealisasikan harapan dan kehendak pengundi dengan menyingkirkan calon SUPP dan mengantikannya dengan calon lain.

Dalam konteks ini, pengundi Cina bersedia menerima hakikat bahawa wakil orang Cina dalam kerajaan akan kurang berikutan kekalahan ramai calon SUPP. Apa yang lebih penting ialah mereka telah menyampaikan mesej kepada pemimpin yang telah mengecewakan mereka. Pendekatan ini agak berbeza dengan etnik lain yang begitu taksub kepada parti dan taksub kepada jumlah etnik mereka dalam kerajaan walaupun kekuatan itu tidak memberikan faedah secara langsung yang jelas kepada mereka. Oleh itu terdapat perbezaan di antara satu pihak yang mengundi berlandaskan pertimbangan yang lebih pragmatik dan realistik dalam konteks kepentingan diri, sementara pihak yang lain pula lebih dipengaruhi emosi dan sentimen.

## Kesimpulan

Pilihan raya DUN Sarawak 2006 sememangnya mengejutkan banyak pihak kerana berlaku perubahan sokongan orang Cina terutamanya yang tinggal di kawasan bandar daripada menyokong Barisan Nasional kepada parti pembangkang khususnya DAP. Kekalahan SUPP terutamanya di kawasan bandar mempunyai kaitan yang rapat dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh parti pembangkang yang dianggap relevan oleh rakyat. Isu seperti kenaikan harga minyak, ketidakpastian tenang pajakan tanah dan premium tanah yang diuar-uarkan akan melambung tinggi memberi kesan kepada kehidupan mereka. Perkembangan ini membimbangkan orang ramai dan pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sarawak 2006 telah dijadikan saluran untuk menyampaikan rasa bimbang dan protes terhadap apa yang mereka anggap sebagai ketidakprihatinan kerajaan terhadap kepentingan mereka.

## Rujukan

- Burns, J.M. 1978. *Leadership*. New York: Harper & Row.
- Eastern Times* 1 Ogos 2006.
- Ghazali Mayudin dan Nidzam Sulaiman. 2003. Politik Cina dalam pilihan raya Sarawak
- Ghazali Mayudin. 2006. Demokrasi dan pilihan raya di Malaysia. Dlm Ghazali Mayudin, Jamaie Hamil, Sity Daud & Zaini Othman (pnyt.). *Demokrasi, kepimpinan dan keselamatan dalam politik Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Graham, J. 2004. *Samuel P. Huntington's: Clash of Civilizations*.  
<http://www.historyorb.com/world/clashofcivilizations.shtml>
- Harakah Daily* 25.5.2006
- Jayum A. Jawan & Victor T.King. 2004. *Ethnicity & Electoral Politics in Sarawak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jebat*. 2001.30: 65-76.
- Malaysiakini* 2006. 2 June
- New Straits Times*. 2001. 28 September.
- New Sunday Times*. 2006.21 May.
- Nidzam Sulaiman. 2006. *Pakatan dalam Politik Sarawak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sariha Mohd Ali Dan Matzidi Dris. 2006. SUPP Mengaku Silap Pilih Calon. *Berita Harian* 24 Mei.
- Sea Hua Daily*. 2006. 21 Mei
- Tilman, R.O. 1966. The Socialization of the Chinese into Malaysian Politics: Some preliminary Observations. *Studies on Asia* (Nebraska). 7:107-20.
- [www.sarawak.gov.my](http://www.sarawak.gov.my)
- [www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my)
- [www.statistics.gov.my](http://www.statistics.gov.my)
- [www.supp.org.com](http://www.supp.org.com)

**LAMPIRAN 1**

Pilihan raya DUN Sarawak 2001 dan 2006: jumlah undi parti pembangkang

| Kawasan          | Jumlah undi dan parti     |           |
|------------------|---------------------------|-----------|
|                  | 2001                      | 2006      |
| N9 Padungan      | 7369 DAP                  | 8002 PKR  |
| N10 Pending      | 3937 DAP                  | 11632 DAP |
| N11 Batu Lintang | 4237 Keadilan             | 8806 DAP  |
| N16 Bengoh       | 4608 STAR                 | 3552 SNAP |
| N27 Simanggang   | 1440 Bebas                | 886 SNAP  |
| N28 Engkilili    | 173 Keadilan              | 3442 SNAP |
| N39 Repok        | 2652 Keadilan<br>1516 DAP | 4926 DAP  |
| N40 Meradong     | 3770 DAP                  | 5990 DAP  |
| N45 Bukit Assek  | 5414 DAP                  | 10380 DAP |
| N46 Dudong       | 5364 DAP                  | 6951 DAP  |
| N47 Bawang Assan | 2369 DAP                  | 4300 DAP  |
| N48 Pelawan      | 5684 DAP                  | 7112 DAP  |
| N59 Kidurong     | 7551 DAP                  | 8517 DAP  |
| N63 Piasau       | 2564 DAP                  | 2665 PKR  |
| N65 Senadin      | 3905 Keadilan             | 2374 PKR  |
| Jumlah           | 68377                     | 90818     |
| Peratus          | 32.8%                     | 49.3%     |

Sumber: Pengiraan oleh penulis berdasarkan *New Straits Times* 28 September 2001 dan *New Sunday Times* 21 May 2006.

**LAMPIRAN 2**

**Pilihan raya DUN Sarawak: Jumlah pemilih dan peratus keluar mengundi bagi 15 kawasan**

| Kawasan          | Jumlah pemilih |        | Peratus keluar mengundi |      |
|------------------|----------------|--------|-------------------------|------|
|                  | 2001           | 2006   | 2001                    | 2006 |
| N9 Padungan      | 24977          | 24512  | 65.1                    | 60.0 |
| N10 Pending      | 29097          | 29503  | 66.3                    | 65.4 |
| N11 Batu Lintang | 28293          | 24738  | 59.3                    | 57.9 |
| N16 Bengoh       | 19266          | 20077  | 67.8                    | 56.9 |
| N27 Simanggang   | 15903          | 9849   | 64.1                    | 63.4 |
| N28 Engkilili    | 9187           | 9477   | 70.8                    | 68.7 |
| N39 Repok        | 18362          | 16750  | 69.3                    | 63.0 |
| N40 Meradong     | 15678          | 14584  | 71.8                    | 67.0 |
| N45 Bukit Assek  | 17807          | 26002  | 66.0                    | 61.9 |
| N46 Dudong       | 20726          | 21819  | 69.4                    | 66.8 |
| N47 Bawang Assan | 17314          | 16844  | 68.8                    | 66.3 |
| N48 Pelawan      | 28722          | 22559  | 69.5                    | 64.6 |
| N59 Kidurong     | 22082          | 23726  | 68.4                    | 65.3 |
| N63 Piasau       | 21301          | 17256  | 60.6                    | 54.0 |
| N65 Senadin      | 28132          | 16925  | 62.2                    | 57.7 |
| Jumlah/Purata    | 316847         | 294621 | 66.6                    | 62.5 |

*Sumber:* Pengiraan oleh penulis berdasarkan *New Straits Times* 28 September 2001 dan *New Sunday Times* 21 May 2006.